

KEINDAHAN REKA BENTUK BUSANA HIJAB KONTEMPORARI MALAYSIA: KAJIAN KES DARI TAHUN 2009 HINGGA TAHUN 2013

Nurrul Asmar Binti Azhan

Politeknik Ibrahim Sultan
Johor, Malaysia.

Harozila Ramli

Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif, Universiti Pendidikan
Sultan Idris
Perak, Malaysia.

ABSTRAK

Tujuan kajian ini dibuat adalah untuk mengkaji reka bentuk hijab kontemporari dari tahun 2009 hingga tahun 2013. Batasan kajian hanya tertumpu kepada reka bentuk dan cara gayaan hijab telekung *mini* yang dipakai oleh wanita muslimah. Terdapat dua aspek penting menjadi tumpuan kajian iaitu mengenalpasti reka bentuk hijab, dan pengaruh dalam gaya pemakaian hijab telekung *mini* kontemporari. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu menerusi pengkajian sejarah yang bersifat deskriptif berdasarkan kajian melalui majalah fesyen hijab, pertunjukan fesyen, rancangan fesyen hijab di televisyen dan analisis reka bentuk hijab di kajian lapangan. Data dikumpul melalui temu bual kepada pereka dan pengusaha butik hijab dan kaedah pemerhatian. Antara hasil kajian diperolehi terdapat pengaruh budaya dari negara luar selari dengan proses globalisasi terhadap fesyen hijab yang menuntut wanita muslimah berfesyen menyebabkan berlakunya evolusi kepada reka bentuk dan gaya pemakaian hijab telekung *mini*. Kajian terhadap reka bentuk hijab kontemporari dikaji adalah untuk mengetahui hubungan antara fesyen dan gaya hijab untuk wanita muslimah bagi menggambarkan keperibadian atau matlamat sebenar berhijab.

Kata kunci : hijab telekung *mini* kontemporari, pengaruh, gaya pemakaian hijab.

PENGENALAN

Dewasa ini populariti hijab kontemporari di mata dunia semakin dipandang positif. Pada awal tahun 1990an hingga kini pemakaian hijab menjadi persalinan busana muslimah yang sangat umum di seluruh Malaysia terutama di bandar Kuala Lumpur. Di kawasan bandaraya Kuala Lumpur pengayaan hijab digayakan lebih urban berbanding dikawasan pedalaman. Pengayaan hijab diarena yang lebih urban seperti disektor pekerjaan, kampus, pusat komersial dan bidang permodelan juga ada kebanyakannya memakai hijab. Malaysia sebagai salah satu negara yang majoriti memiliki penduduk beragama Islam menjadi salah satu negara yang aktif dalam transaksi produk mahupun konsumsi hijab, khususnya muslimah di Kuala Lumpur. Seiring dengan perkembangan zaman, wanita kini sangat teruja dengan pemakaian hijab yang pengayaan gaya trendnya semakin moden dan kontemporari. (Dr. Abdul Basit Abdul Rahman, 2013). Begitu juga dengan reka bentuk hijab telekung *mini*. Hijab telekung *mini* adalah direka dengan meringkaskan telekung yang dipakai oleh orang perempuan semasa sembahyang menjadi lebih singkat dan menampakkan bahu, tangan dan bahagian baju pemakai dari aras perut ke bawah. Hijab telekung *mini* biasanya dipakai secara menyarungkannya menerusi muka dengan kain empat segi tepat dilipat menjadi segi tiga di jahit atau dipin dibahagian dagu. Dipasaran kini reka bentuk hijab telekung *mini* selain mengikut selera masyarakat juga dipengaruhi idea kreatif pereka hijab dalam menciptakan rekaan baru dan gaya yang lebih moden. (Yasmin Siddik, 2013). Ini adalah dipengaruhi unsur budaya tradisional dan budaya global iaitu gaya pengayaan hijab dari budaya negara Indonesia dan transisi pengayaan hijab gaya Amerika. (Siti Zanariah Sahib, 2013) Perkembangan gaya hijab telekung *mini* yang dipengaruhi berbagai unsur budaya masyarakat mewujudkan aliran makna keindahan seni dalam mode busana hijab. Ia merupakan unsur budaya masyarakat yang memberi citra tersendiri terhadap keperipadian pemakainya.

Hijab sendiri memiliki banyak maksud dalam penyebutannya di kitab Al-Quran. Menurut Ellya Zulaikha, (2003) hijab secara terminologi adalah berasal dari kata h-j-b; bentuk verbalnya adalah hajaba yang diterjemahkan menutup, menyendirikan, memasang tirai,

menyembunyikan, membentuk pemisahan dan memakai topeng. Juga diterjemahkan sebagai tutup, bungkus, tirai, cadar, dan layar. Menurut (Suciati, 2012) hijab memiliki pengertian umum sebagai segala sesuatu termasuk aktiviti yang membatasi atau memisahkan dan yang menutupi sehingga terhalang pandangan dari yang lain untuk menghindarkan diri dari larangan-larangan menurut dalam agama. Hijab secara harfiah memberi maksud antara lain sebagai dinding, tabir atau selubung dari selendang serta busana untuk wanita muslimah. Manakala menurut Zulkifli dan Fatin, (2013) hijab dari segi bahasa ialah benda yang menutup sesuatu dengannya. Ia adalah tudung yang dipakai oleh wanita Islam yang menyembunyikan rambut, leher dan mempunyai purdah yang melitupi muka kecuali mata. "Dalam persektif Islam, konsep berhijab seharusnya difahami dengan jelas sebagaimana yang termaktub dalam Al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW. (Muhammad Thoriq Akhyar, 2010). Secara umum, aurat wanita adalah seluruh anggota tubuh kecuali wajah dan kedua telapak tangan, manakala leher dan rambut adalah aurat di hadapan lelaki ajnabi walaupun sehelai. (Wan Zainina Wan Bakar, 2013). Penyataan ini jelas bahawa bahagian kepala wanita termasuk rambut dan telinga adalah wajib ditutup sebagaimana jelas termaktub dalam surah An-Nur ayat 31 (Al Quran).

Reka bentuk dan gaya pemakaian hijab telekung *mini* memiliki gabungan kesan etika dan estetika yang mendominasi hasil karya daripada pereka hijab dan konsep ketaatan. (Mihret Woldesemait, 2013). Menurut Ayyani Nurofifah (2013) konsep reka bentuk hijab *minitelekung* juga merujuk kepada teknik yang terukur secara profesional yang membawa maksud evolusi kepada prinsip rekaan dan gaya hijab dalam perbandingan. Seperti contoh reka bentuk dan gaya hijab akan mengalami perubahan dalam pengayaan melalui reka bentuk dan gaya mengikut peredaran zaman. Idea yang diolah dari reka bentuk asal kepada rekaan yang lebih praktikal dan moden akan mewujudkan perbandingan dan perbezaan dari segi reka bentuk dan gaya berhijab. Kadar banding ini tidak menghilangkan sifat unik pada rekaan hijab telekung *mini* malah menurut *Hegel* keindahan adalah idea yang wujud di dalam indra. *Beauty is the idea as it shows itself to sense*. Dengan makna lain idea adalah ilham dari gambaran indrawi dan khayal seseorang. Dengan gabungan dua imaginasi ini reka

bentuk sesuatu seni itu akan mengalami perubahan mengikut apa yang difikirkan bagi menghasilkan sesuatu. (dalam Fadhilah, 2010).

Penyataan diatas jelas bahawa reka bentuk dan gaya hijab kontemporari seperti *mini* telekung adalah sebuah luahan dari akal dan batin bagi menerangkan objek yang terhasil. Kesempurnaan ini menyifatkan adanya kegairahan yang luar biasa dalam penghasilan karya rekaan.

PERMASALAHAN KAJIAN

Pada abad posmodernisme ini, reka bentuk dan pengayaan hijab telekung *mini* adalah sebagai salah satu trend gaya baru seiring dengan fesyen yang memberi satu peralihan makna dalam pemakaian hijab. Tujuan pemakaian hijab adalah menutup aurat seperti mana yang termaktub dalam Al-quran dan syariat Islam kini amalan pemakaiannya dianggap sebagai jelmaan budaya fesyen kepala wanita Islam. Reka bentuk dan gayaan hijab *mini* telekung dipengaruhi budaya negara Indonesia, dan resapan fesyen kepala negara Barat. Pengayaan hijab telekung *mini* juga dicap sebagai budaya pengguna dalam masyarakat moden kini yang bermaksud ketaatan yang jelas dalam Al quran telah beralih kepada gayaan hijab yang moden dan mengikut arus fesyen global. Ini jelas dalam penulisan Ismail Abdullah, (2009) menyatakan dalam konteks budaya global initema kontemporari bukanlah suatu bentuk penampilan yang negatif dan basi, tetapi merupakan budaya fesyen yang memenuhi cita rasa hiburan moden dan gaya elit masa kini.

Dengan penjelasan diatas jelas menunjukkan reka bentuk dan pengayaan hijab telekung *mini* kepada wanita muslimah telah mengalami format gaya moden dan berlandaskan fesyen. Oleh itu kajian ini dilakukan adalah untuk mengkaji reka bentuk hijab telekung *mini* kontemporari bagi mengenal pasti pengaruh gaya fesyen hijab telekung *mini* dalam memahami sebenar berhijab.

SOROTAN LITERATUR

Reka bentuk hijab telekung *mini* di gubah dengan memendekkan labuh telekung yang dipakai oleh perempuan semasa sembahyang.

Reka bentuk telekung *mini* lebih singkat dan boleh memperlihatkan tangan dan bahagian baju pemakainya dari aras perut ke bawah. Telekung *mini* akan dipakai secara menyarungkannya menerusi muka. Namun begitu ada segelintir wanita muslimah lebih selesa memakainya lebih labuh, mirip kepada telekung. Versi yang lebih ringkas ialah labuh telekung *mini* itu disingkatkan sehingga bahagian bahu kelihatan. Cara pengayaan telekung *mini* ini boleh dipakai dengan dipinkan kain itu dibahagian dagu atau dijahit sahaja. Sementara hujung bucu kain dijatuhkan menutup bahagian dada berbentuk segi tiga dan bentuknya sama juga dibahagian belakang. (Abbas Alias, 2003)

Pada awal 2009 tudung bawal (*voile*) adalah hijab telekung mini yang menjadi kemestian kepada wanita muslimah di Malaysia. Hijab telekung *mini* yang dikenali sebagai tudung bawal ini telah lama hadir sebagai asas kepada setiap wanita yang mula ingin memakai hijab. Namun sejak lima tahun kebelakang ini pemakaian hijab telekung *mini* kontemporari telah menjadi budaya popular di kalangan masyarakat Malaysia. Fesyen hijab telekung *mini* atau dikenali sebagai 'hijab sarung' telah hadir mewarnai busana hijab bagi pelengkap gaya mengikut kesesuaian dan trend semasa. (Farida Zakaria, 2012). Ciri-ciri pemakaian hijab yang menampilkan kesopanan dan menutup aurat menjadikan ia pilihan yang terbaik untuk wanita yang mementingkan keperibadian diri.

Evolusi fesyen hijab telekung *mini* diberi nafas baru dengan reka bentuk dan gaya penggunaan fabriknya senang di gayakan. (Anis Suraya, 2013). Contoh hijab telekung *mini* moden yang berada di pasaran Malaysia seperti hijab 'awning', hijab Syria dan hijab Hoodie yang pelbagai jenama telah di variasi dengan pelbagai jenis pengayaan bagi menjelaskan fenomena pengayaannya. Ini terbukti dengan gaya yang ditampilkan oleh pengemar hijab dipengaruhi oleh budaya luar contoh hijab sarung atau hijab awning yang mempunyai lapik sederhana keras dijahit dengan fabrik yang sama dengan cantuman badannya yang dipengaruhi oleh budaya dari negara Indonesia yang menginginkan keselesaan, mudah dan senang digayakan manakala hijab Syria juga hijab sarung namun tiada lapik yang dijahit bersama badan hijabnya. Bentuk reka fesyen hijab Syria melekap di kepala dan ada yang menggunakan dua helaian fabrik yang

berbeza. Seperti contoh hijab Syria mempunyai anak tudung atau *inner* dan badan hijab yang separa bulatan kepala. (lihat pada jadual).

Hijab Hoodie pula adalah hijab telekung *mini* yang telah ditransformasi kepada 3 reka bentuk fesyen yang berbeza. Salah satu diantara fesyen hijab Hoodie menggunakan fabrik sifon yang lembut yang dijahit berbentuk selender dan ditambah dengan hiasan manik. Gaya pemakaiannya hanya sarung dan hijabnya terletak di kepala dan bahu. Reka bentuk fesyen Hoodie yang kedua adalah gabungan 2 fabrik yang sama atau berlainan corak dijahit bersama. Pengayaan reka bentuk hijab Hoodie ini boleh digunakan dikedua-dua belah fabriknya. Manakala fesyen hijab Hoodie yang ketiga menggabungkan anak tudung dan badan hijab menggunakan fabrik yang sama warna atau fabrik yang berbeza.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan penyelidikan kualitatif yang menjurus kepada deskriptif, data akan dikumpul dalam bentuk perkataan berdasarkan hasil temu bual dan pemerhatian. Buku, majalah, jurnal penyelidikan, surat khabar, nota lapangan dan rekod rasmi yang lain mengenai reka bentuk dan gayaan hijab dirujuk sebagai data yang dikumpul untuk kajian bersandarkan pada pembacaan. Data dianalisis dengan menggunakan induktif, data carian yang akan berterusan melalui pemerhatian produk yang terhasil (hijab) melalui tema dan konsep reka bentuk dan gayaan hijab kontemporari menerusi tahun 2009 hingga tahun 2013 sahaja.

DAPATAN KAJIAN

Tranformasi hijab telekung *mini* kini telah membawa kepada fesyen berhijab. Fesyen hijab telekung *mini* kontemporari menjadi pilihan kepada penggemar kerana ada yang fesyennya mengekalkan reka bentuk sama seperti tudung bawal. Walaupun begitu fenomena berhijab reka bentuk telekung *mini* telah mengalami transisi peralihan yang sangat positif dalam pemakaian hijab. Fesyen hijab telekung *mini* kontemporari adalah satu bentuk ekspresi diri yang mempunyai kelainan dari rekaan hijab yang biasa dilihat. Ia mempunyai tarikan

tersendiri dari segi cara dan gaya pemakaiannya, mempunyai pelbagai reka bentuk, menggunakan warna yang lebih dari satu warna dan juga mempunyai kelainan dari segi fabriknya. Fesyen hijab telekung *mini* kontemporari bukan sahaja unik malah ditambah dengan aksesori menunjukkan perubahan dinamik dalam fesyen busana disamping gabungan pelbagai budaya yang bersifat *Arabisme* dan *Indonesiaisme*. Dengan kelainan dan gaya pemakaian hijab telekung *mini* ternyata nilai estetika yang wujud dalam rekaannya menjadi pilihan dan cita rasa pengemar hijab.

EVOLUSI REKA BENTUK HIJAB DARI TAHUN 2009 HINGGA TAHUN 2013

Perubahan yang terjadi kepada reka bentuk hijab telekung *mini* menunjukkan berlakunya perkembangan fesyen hijab yang tidak pernah berhenti tetapi terus mengalir memberikan pelbagai revolusi oleh pemain industri. Ini adalah dari desakkan pengemar hijab yang menginginkan kelainan dalam penggayaan berhijab. Garis masa yang akan berubah dari satu tahap ke tahap yang lain hingga kadangkala berhenti seketika memberi satu nostalgia untuk kita mengenang kembali kitaran fesyen berhijab. Ini jelas yang ditunjukkan dalam jadual dibawah.

Jadual 1.0 Evolusi Reka Bentuk Hijab Telekung *Mini* dari tahun 2009 hingga tahun 2013.

Tahun	Reka Bentuk dan Gaya	Fesyen Hijab
2009	<ul style="list-style-type: none"> • Gaya reka bentuk telekung <i>mini</i> yang asal dan kekal sehingga kini. 	 <p>(sumber rujukan : koleksi peribadi dan majalah Hijab 2009)</p>

2009

- Fabrik *voile* di kenali tudung bawal berbentuk empat segi dan bila digayakan berbentuk segi tiga



2009 dan 2010

- Evolusi hijab telekung *mini* moden yang dikenali hijab awning
- Fabrik *spandex*, *lycra*, sifon dan *cotton* tanpa corak dan bercorak
- Reka bentuk seperti telekung mini singkat hanya menutup separuh dada.



(sumber rujukan : koleksi dan majalah Hijabista 2009 dan 2010)

2011 dan 2012

- *Hijab Hoodie*
- *Berbentuk selinder.*
- *Berbentuk segi tiga dan hijab jenis sarung*
- *Menggunakan anak tudung ada yang dijahit dihadapan menutup dada dan terbelah dibahagian*



kepala

- Fabrik ringan.
- Gabungan fabrik *chiffon* , lycra dan satin yang mudah urus.
- Hiasan tambahan dari tahtahan batu-permata.
- Labuh menutup leher separas bahu dan ada yang menutup dada.
- Gabungan 2 fabrik sifon dan satin yang pelbagai warna.
- Boleh digunakan dibahagian kedua-dua fabrik

(sumber rujukan:koleksi dan majalah Hijabista 2001 dan 2012)

**2012
dan
2013**

- *Hijab Syria*
- *Berbentuk bulat dan segi tiga*
- *Menggunakan anak tudung melekap dikepala dan satu helai hijab Syria separa kepala.*



(sumber rujukan : koleksi dan majalah Hijabista 2012 dan 2013)

2013

- Fesyen hijab Hoodie ini kemudiannya di inovasikan kepada gabungan hijab awning



(sumber rujukan : koleksi dan majalah Hijabista)

atau anak tudung ²⁰¹³⁾

dengan selendang yang dijahit bersama bagi memudahkan pemakaiannya

- Hijab Hoodie yang di pakai sarung
 - Menggunakan fabrik lycra, satin dan sifon
-

SIMPULAN

Konsep berhijab sudah termaktub dalam Al Quran dan Al sunnah. Peraturan yang di perintahkan sewajarnya diikuti. Namun diatas desakan permodenan prinsip keindahan hijab telekung mini itu di pelbagaikan. Dalam kajian ini penyelidik mendapati manusia sentiasa mengalami perubahan kehidupan secara individu ataupun secara kolektif dalam konteks kehidupan bermasyarakat. Perubahan daripada kelompok masyarakat ini terjadi adalah kerana perubahan sosial. Perubahan sosial merangkumi gaya atau fesyen hijab yang dulunya berkiblatkan dunia timur, kini lebih dikenali konsep budaya kontemporari. Keindahan hijab telekung *mini* kontemporari ini pengkaji menilai sebagai satu pergeseran antara pemakaian hijab masa kini dengan manifestasi perilaku dalam menjalani tuntutan beragama. Reka bentuk yang dulunya menutup dan mengikut syariat telah bertukar menjadi fesyen berhijab. (Fatimah Hj. Omar, 2010). Pada awal pemakaian telekung *mini* labuh dan reka bentuknya sangat sederhana dan bersegi empat, kini telah ditransformasi kepada gayaan moden yang berkonsepkan kemas, ringkas, cepat dan mudah digayakan. Pelbagai gabungan fabrik yang terkini dan gabungan pola rekaan yang moden dan menarik menjadikan reka bentuk telekung *mini* menjadi satu fenomena dan budaya popular dikalangan penggemar hijab.

Pada tahun 2009 hingga 2013 perubahan reka bentuk telekung *mini* amat ketara dari segi gaya dan rekaannya. Reka bentuk hijab telekung mini dari sehelai fabrik berubah menjadi hijab yang siap dijahit sepenuhnya dengan rekaan fabrik yang berlapis-lapis yang cantik dan mudah dipakai. Inovasi rekaan hijab dijahit bersama awning dibahagian kepala dan dahi menjadikan hijab telekung *mini* kelihatan kemas, dan digemari oleh seluruh penggemar Malaysia. Perubahan fabrik berlapis ke rekaan gabungan 2 fabrik berbeza pada tahun 2011 hingga 2012 yang dikenali sebagai hijab Hoodie menjadikan hijab itu boleh digayakan dikedua-dua belah hijab tersebut mengikut tona warna yang digemari. Evolusi awning melekap didahi pada awal tahun 2012 dan 2013 telah menjadikan hijab telekung *mini* kelihatan natural dan bersahaja. Reka bentuknya masih mengekalkan tiga segi atau separa bulatan apabila dipakai. Gabungan awning dan selendang panjang juga menjadikan perubahan kepada hijab telekung *mini* mudah dipakai dan lebih bergaya dengan teknik layer. Ini terbukti dengan reka bentuk hijab telekung *mini* yang sentiasa berubah seiring dengan keadaan dan situasi yang tidak terkawal, mewujudkan kepelbagaian bentuk, persepsi, cita rasa, fungsi, matlamat dan nilai yang bersifat multikultural dan global. (Dr. Siti Zainon Ismail, 2009-2010).

REFERENSI

Buku

Abbas Alias, Norwani Md. Nawawi. (2003). *Pakaian Melayu Sepanjang Zaman*. (hlm 113)

Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Aziz Thaba, (1996) *Islam dan Negara Dalam Politik Orde Baru*.

Dr. Siti Zainon Ismail, (2009-2010) *Keindahan Dan Keunikan Busana Warisan Negeri Selangor*. Himpunan Kertas Kerja Siri Kuliah Budaya. (hlm 133)

Fatimah Hj. Omar. (2010). Hijab Antara Adat & Tuntutan Syariat.(hlm 67). ISBN 978-983-061- 895-1. Crescent News (KL) Sdn. Bhd.

Ismail Abdullah. (2009) Seni Budaya Media dan Konflik Jati Diri.(hlm 6,7,19).

Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur, Malaysia.

Muhammad Thoriq Akhyar al Medani Tahkiq: Abu Hamdy Muhammad Hatta, (2010) Feqah untuk Wanita, Panduan Dan Amalan Bagi Muslimah Solehah.

Seripah Zin binti Ali.(2009.) Aurat Wanita Menurut Persektif Al-Quran.Darul Mughni.

Penerbit unggul buku islam. Darul Mughni Trading.

Jurnal.

Fadhillah (2010).Makna keindahan mode busana muslimah sebagai citra budaya masyarakat. November, 2010. Universiti Jakarta, Indonesia.

Suciati, (2012).Busana hijab kontemporari. (hlm 35). Universiti Surabaya, Indonesia. Julai 2012.

Ellya Zulaikha, (2003). Budaya Muslim Hijab Popular.(hlm 59-60). Universiti Muhammadiyah Malang, Indonesia. September 2003.

Zulkifli Abd.Latiff, dan Fatin Nur Sofia Zainol Alam, (2013). *The Roles of Media in Influencing Women Wearing Hijab: An Analysis, Journal of Image and Graphics. Volume 1. No.1. March, 2013.*

Tesis

Aryani Nurofifah, (2013). Jilbab Sebagai Fenomena Agama Dan Budaya.

Mihret Woldesemait, (2013) Unfolding the Modern Hijab: From the Colonial Veil to Pious Fashion.

Akbar

Sarah Musa. (2013, Mei 11). Juara pertandingan Hijab Gaya AS, *Chicago*, Pelajar *Institut Teknologi Fesyen Chicago*. *Harian Metro*. (hlm 22).

Siti Zanariah Sahib.(2013, Mei 11). Busana Muslimah Ala Amerika, *Harian Metro*. (hlm 21)

Majalah

Anis Suraya (2013). Fesyen Hijab Moden. *Majalah Remaja*. (hlm 96, 97).

Dr.Abdul Basit Abdul Rahman (2013). *Majalah i. Auratku Maruah ku*. (hlm 11-14).

Wan Zainina Wan Bakar (2013).Pensyarah Kolej Islam Antarabangsa(IIC), Berhijab...Fesyen @ Tuntutan ?. *Majalah Remaja*. (hlm 99).

Yasmin Siddik, (2013). Budaya berhijab. Perunding imej *Butik Woman to Woman* dan pereka busana Islamik. *Majalah Remaja*. (hlm 23).

Rujukan Internet

Meghan Neal. (2012) *NYDailyNews.com*. New York, Amerika Syarikat. Diekses pada Januari 2012 daripada <http://www.NyDailyNews.com>. New York, Amerika Syarikat.